

**Penerbit: Teater Siti Hasmah 'pecah panggung'**  
**SinarHarian**  
**21 November 2012**  
**OLEH RUZY ADILA IDRIS**

TEATER Tun Dr Siti Hasmah - Dari Hati Seorang Perempuan yang melabuhkan tirai persembahan malam semalam mencatatkan satu kenangan terbaik buat penerbit, pelakon dan seluruh warga kerja teater itu apabila benar-benar mencapai 'pecah panggung'.

Penerbitnya, Datuk Paduka Khairuddin Abu Hassan berkata, kelmarin buat pertama kali dalam sejarah Istana Budaya apabila teater itu penuh sehingga lebih kurang 100 penonton yang terpaksa berdiri.

"Walaupun tiket telah habis dijual, tetapi pihak produksi tidak sampai hati menghampakan penonton yang datang dari jauh untuk menonton teater itu dan melihat dari dekat dua tokoh utama iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad serta Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Bayangkan, tempat duduk di panggung setinggi tiga tingkat dan boleh muatkan 1,200 orang penuh. Ini benar-benar mengharukan warga kerja Teater Tun Siti Hasmah," katanya ketika dihubungi Sinar Harian Online, hari ini.

Ketika mengulas sama ada pihak produksi ada merancang untuk membuat teater tersebut untuk siri kedua, Khairuddin bagaimanapun menegaskan, tidak akan berbuat demikian.

Katanya, jika pihaknya berbuat demikian, teater itu sudah tidak bersifat eksklusif, sebaliknya pihaknya kini serius untuk membawa teater tersebut ke layar perak.

"Minggu depan saya akan duduk bersama Tun Siti Hasmah untuk dapatkan input lagi mengenai perancangan filem.

"Memang bukan suatu perkara yang mudah untuk membawa peristiwa yang berlaku selama 55 tahun kepada pementasan yang hanya mengambil masa selama dua jam.

"Oleh itu, saya perlu memastikan perancangan filem ini lebih teratur," jelasnya.

Tambah Khairuddin, selepas itu beliau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Lembaga Penapisan Filem (Finas) untuk membincangkan langkah seterusnya dengan lebih teliti.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif World Islamic Network Television (WINT) menambah, kajian untuk filem ini nanti mungkin akan mengambil masa selama empat hingga lima bulan.

"Insya-ALLAH jika tiada aral, filem ini akan menemui penonton pada tahun depan.

"Filem ini akan menggunakan 100 peratus tenaga kerja dari Teater Tun Siti Fatimah bermula daripada pengarah, pelakon, pelakon tambahan hinggalah krew di belakang tabir bagi menghargai kerjasama dan komitmen mereka bagi menjayakan teater ini," jelasnya.

Tambahnya, lokasi juga akan dibuat 100 peratus di tempat yang sama iaitu di universiti di Singapura, Seri Perdana lama, Institut Jantung Negara (IJN) dan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sementara itu, Khairuddin juga teruja menceritakan reaksi Tun M ketika menonton teater itu.

"Beliau maklumkan kepada saya beliau amat menaggumi keseluruhan teater tersebut tetapi beliau sebenarnya agak malu apabila adegan beliau bercinta dengan isterinya dipentaskan.

"Sebenarnya dialog-dialog yang disebutkan itu adalah lafaz sebenar kepada Siti Hasmah.

"Manakala, bagi Siti Hasmah pula, beliau mengakui tersentuh segmen monolog apabila Tun M dibedah di IJN dan babak apabila Tun M mengumumkan meletakkan jawatan," katanya lagi.

©2012 | Hakcipta Terpelihara Grup Digital Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/penerbit-teater-siti-hasmah-pecah-panggung-1.105541>